

Kejayaan Dr. M: Eropah akan labur \$500j di Malaysia

MALAYSIA dijangka menerima pelaburan berjumlah \$500 juta dari pengusaha-pengusaha Eropah untuk berbagai projek perkilangan dalam tempoh tiga tahun akan datang, kata Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, para pengusaha Eropah telah menunjukkan minat mereka, terutamanya projek-projek berasaskan keluaran utama seperti getah, perakyuan dan minyak sawit.

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu pemberita di ibunegara Denmark selepas mengadakan seminar dan rundingan dengan pengusaha-pengusaha dalam rangka lawatan akhir rombongan pelaburan yang diketuainya di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersama rombongannya berlepas dari Copenhagen malam ini untuk kembali ke Kuala Lumpur dan dijangka tiba jam 9.30 malam esok.

Sebelum ini, rombongan Timbalan Perdana Menteri telah melawat dan mengadakan seminar-seminar pelaburan di Birmingham, Frankfurt dan Paris.

Dato Sri Dr. Mahathir menisfikan lawatan rombongannya sebagai "lebih memuaskan dari yang dijangka" dan berkata

COPENHAGEN, Rabu

peluang-peluang pelaburan di Malaysia telah menarik minat para pengusaha dengan hasil yang baik dijangkakan.

Menurut beliau, para anggota rombongan juga berjaya menghapuskan kebimbangan pengusaha-pengusaha Eropah mengenai Akta Penyelarasan Perindustrian yang dikuatkuasakan.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan beliau sungguh tertarik dengan sambutan baik di negara-negara Eropah terhadap barang-barang perkilangan keluaran Malaysia kerana mutunya yang tinggi.

Mutu tinggi

"Di Jerman, barang-barang keluaran Malaysia dipasarkan sebagai barang-barang bermutu.

"Amalah penting bagi kita memperkekalkan mutu tinggi ini dan menjamin barang-barang keluaran Malaysia telah mencapai taraf dan mutu antarabangsa," kata beliau.

Mengenai sambutan kalangan pengusaha Scandinavia terhadap seminar yang diadakan, Dato Seri Dr. Mahathir berkata "sambutannya amat memuaskan sekali."

Wakil-wakil dari lebih 70 buah

syarikat di Denmark, Norway, Sweden dan Finland menghadiri seminar tersebut dan 14 orang darinya kemudian mengadakan rundingan individu dengan anggota-anggota rombongan Malaysia untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut.

"Saya juga menemui wakil-wakil dari sebuah syarikat di sini yang terlibat dalam perdagangan, perladangan dan perkilangan di Malaysia dan mereka menyatakan kesediaannya untuk memperbesarkan projek perkilangannya di Malaysia," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu satu rombongan dari Sweden akan melawat ke Malaysia tidak lama lagi.

Mengenai usaha Denmark mendapatkan negara-negara anggota Asean menubuhkan sebuah pejabat perdagangan di Pusat Bella.

Salah satu pusat pameran yang terbesar di Eropah, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau akan membawa perkara itu ke sidang Menteri-menteri Ekonomi Asean di Jakarta pada 4 hingga 6 Jun ini.

Katanya, kerjasama ekonomi dalam sebilangan projek perindustrian di samping memperkurangkan duti import ke atas barang-barang tertentu akan dirundingkan di sidang tersebut.